



MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

KEPIMPINAN DAN KEHALIFAHAN, GAGASAN
KONSTUKTIF ULAMA DAN UMARA

KERTAS KERJA
SYARIAH SEBAGAI ASAS PERTAUTAN
ANTARA RAJA DAN RAKYAT

DISEDIAKAN OLEH:
Y.BHG. PROF. EMERITUS DATO' DR. MAHMOOD ZUHDI HAJI ABD. MAJID

TEMPAT:
AMANJAYA CONVENTION CENTER
CASUARINA@MERU,BANDAR
MERU RAYA, IPOH

TARIKH:
25,26 dan 27 FEBRUARI 2018
(AHAD-SELASA)

PENGANJUR:
KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

SHARIAH SEBAGAI ASAS PERTAUTAN ANTARA RAJA DAN RAKYAT

Oleh: Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid

Pendahuluan:

Adalah suatu hakikat yang jelas dalam Islam dan diterima umum oleh para penganut nya , bahawa menegakkan pemerintahan, seperti Khalifah, Raja, kerajaan dan sebagai nya (Bagaimana pun dalam kertas ini istilah Raja akan lebih digunakan) merupakan perkara asas dalam agama itu. Malah, mengikut Ibnu Taimiyah dalam buku nya “السياسة الشرعية في اصلاح الراعي والرعية” agamaitu sendiri tidak dapat ditegakkan tanpa nya. kerana manusia saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Tanpa kerjasama seperti itu kepentingan hidup masing-masing tidak akan dapat dipenuhi.

Bagaimana pun, dalam melayari kehidupan bersama mereka terdedah kepada perbalahan dan perkelahian.Kerana setiap orang ada kehendak dan cita-cita sendiri yang perlu dipenuhi.Maka bagi menyelsaikan pertentangan dan perbalahan itu mereka perlu kepada ketua.Apabila masyarakat manusia semakin berkembang ketua itu juga mengalami perkembangan demi perkembangan dan seterus nya menjadi Raja dan sebagai nya, yang menjadi ketua dalam suatu sistem yang lebih teratur dan komplekated.

Kerana itulah terdapat gesaan yang banyak daripada Rasulullah s.a.w. agar ia nya ditegakkan meskipun dalam keadaan yang mungkin dianggap tidak perlu. Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. bersabda ”إذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيَؤْمِرُوْا حَدَّهُمْ ”.Maksudnya; “Apabila tiga orang musafir, salah seorang daripada mereka perlu dilantik sebagai ketua”. Dalam sebuah hadis lain Rasulullah bersabda ”لَا يَحْلُّ لِثَلَاثَةَ أَنْ يَكُونُونَ بِفَلَةٍ مِّنَ الْأَرْضِ إِلَّا أَمْرُوا عَلَيْهِمْ أَحَدَهُمْ ”, maksud nya lebih kurang “Apabila tiga orang berada ditempat yang agak terpencil mereka perlu melantik salah seorang dari mereka sebagai ketua”.

Secara logi nya pula, kata al-Mawardi, Perlantikan seperti itu sesuai dengan keperluan melakukan “amar makruf dan nahi munkar” yang diwajibkan dalam Islam . Kerana ia tidak akan terlaksana kecualai ada kekuasaan dan kepimpinan. Untuk melaksanakan jihad pun sama. Begitu juga untuk menegakkan keadilan dan sebagai nya.

Dalam buku beliau *النفع الغزير في اصلاح السلطان والوزير* Syekh al-Islam Ahmad Abdul-Mun'im al-Damanhuri menyebut bahawa urusan Raja atau pemerintahan itu adalah fardhu kifayah. Tegas beliau lagi, ia merupakan antara urusan agama dan urusan manusia yang paling penting. Tanpa kuasa pemerintahan, kedua-dua urusan agama dan urusan dunia tidak akan berjaya dilaksanakan. Selain itu pelaksanaan Syariat juga akan tergendala, dan sistem hidup umat Islam akan tergugat.

Oleh kerana itulah, kata beliau lagi para sahabat Rasulullah s.a.w. mendahulukan persoalan berkenaan daripada urusan pengkebumian jenazah Rasulullah s.a.w. apabila Baginda wafat. Mereka terlebih dahulu telah mengadakan perundingan dan musyawarah tentang siapa yang sepatutnya menjadi khalifah sehingga terlantiknya Khalifah Abu Bakr sebagai Khalifah pertama.

Atas dasar kepentingan yang sangat besar itulah maka terdapat kata-kata "Sultan adalah bayang Tuhan di bumi". Juga "Berada selama enam puluh tahun di bawah pemerintahan yang zalim lebih baik daripada hidup satu malam tanpa pemerintah".

Antara Raja dan Rakyat:

Raja dan rakyat berpisah tiada. Mereka sama seperti aur dan tebing. Saling kukuh memperkujuh antara satu sama lain. Tanpa tebing aur tiada tempat untuk berpaut. Sebaliknya, tanpa aur keutuhan tebing mudah terhakis.

Begitulah hubungan Raja dengan rakyat. Raja adalah pemimpin, sementara rakyat adalah pengikut. Tanpa pemimpin, pengikut kehilangan arah dan hala tuju. Sebaliknya tanpa pengikut, pemimpin kehilangan kuasa dan pengaruh.

Dalam pengajian ilmu kemasyarakatan, perkaitan seperti ini disebut sebagai hubungan sosial. Ia adalah suatu pertalian atau perkaitan yang kompleks. Bandingan nya samalah seperti hubungan antara individu dengan masyarakat. Tanpa individu masyarakat tidak ada. Sebaliknya tanpa masyarakat individu tidak mempunyai nilai apa-apa. Kerana manusian adalah binatang sosial, seperti kata Ibnu Khaldun.

Asas kejayaan kepada hubungan ini ialah peranan atau fungsi sosial. Ia bermaksud peranan atau fungsi yang dimainkan oleh setiap individu dalam berinteraksi dengan orang lain dalam kelompuk hidup berkenaan. Peranan atau fungsi inilah yang akan menentukan seseorang itu samada menjadi unggul atau sebaliknya. Siapa yang komunikasi nya berkesan dia akan menjadi unggul, walau pun dia seorang rakyat. Sebaliknya pula seseorang yang komunikasi nya tidak berkesan dia tidak mampu menjadi unggul walaupun dia seorang Raja. Berasaskan peranan atau fungsi inilah orang membezakan, misalnya antara pemimpin dan ketua. Kerana tidak setiap ketua itu adalah pemimpin, dan sebaliknya tidak setiap pemimpin itu adalah ketua. Oleh kerana itu, seorang ketua yang baik ialah ketua yang mampu memimpin. Sebaliknya seorang pemimpin yang baik ialah pemimpin yang berkedudukan sebagai ketua. Tanpa keselarasan ini kumpulan atau masyarakat hidup berkenaan akan menjadi tunggang langgang. Sama seperti angka 96 yang boleh dengan tiba-tiba menjadi 69.

Dalam teori kepimpinan, Raja adalah ketua, sementara rakyat adalah pengikut. Namun kalau fungsi social yang dimainkan oleh Raja itu tidak berkesan dia hanya menjadi Raja dan bukan pemimpin. Begitulah sebaliknya, kalau fungsi yang dimainkan oleh seseorang rakyat itu cukup berkesan dia akan menjadi pemimpin walau pun hanya seorang rakyat. Dalam teori politik Raja adalah pemerintah, sementara rakyat pula adalah yang kena perintah. Namun dalam suasana sepertimana yang digambarkan di atas kemungkinan Raja akan menjadi yang kena perintah dan rakyat menjadi pemerintah adalah besar. Inilah suatu phenomena yang perlu dielakkan kerana bertentangan dengan idealism yang tinggi, iaitu Raja perlu menjadi pemerintah dan rakyat perlu menjadi yang kena perintah. Dalam suasana yang ideal ini, kata-kata "Raja adil Raja disembah. Raja zalim Raja disanggah" sepertimana yang diungkapkan oleh Dato' Laksmana dalam peristiwa Sultan Mahmud Mangkat di julang tidak berbangkit lagi.

Bagaimana pun kedudukan antara kedua pihak ini sama seperti hubungan antara dua tapak tangan. Meskipun salah satu nya yang menepok dan satu lagi yang kena tepok namun tiada tepukan kecuali kedua-dua pihak itu berfungsi. Kerana itu dalam pepatah Melayu ada mengatakan, tepok tangan sebelah mana kana da berbunyi nya. Bagaimana hebat sekalipun interaksi Raja yang

memerintah ia tidak akan memberi apa-apa erti kalau rakyat tidak responsif. Sebaliknya pula bagaimana positif sekalipun sikap rakyat ia tidak akan memberi apa-apa erti kalau Raja yang memerintah bersikap pasif.

Apabila Khalifah keempat Ali k.w. dikeritik kepimpinan nya yang disifatkan kurang bermutu berbanding dengan pemerintahan tiga Khalifah sebelumnya beliau terus menjawab “Sebabnya kerana di bawah pemerintahan mereka rakyat terdiri daripada orang seperti aku. Sementara di bawah pemerintahan aku rakyat terdiri daripada orang seperti kamu”.

Kepimpinan Sebagai Penghubung

Pada pandangan Islam, yang menghubungkan antara Raja dan rakyat ialah “kepimpinan”. Ia adalah asas kepada pembentukan institusi “Khilafah”, iaitu tugas pemerintahan sebagai ganti kepada “Nubuwah” iaitu tugas kenabian. Orang yang dilantik oleh Allah memikul tugas Nubuwah dipanggil “Nabi”. Sementara orang yang diberi tugas menguruskan institusi “Khilafah” disebut sebagai “Khalifah”.

Tujuan institusi “Khilafah” ditegakkan adalah untuk menjaga agama dan mentadbir negara. Tugas menguruskan penubuhan institusi Khilafah ini adalah kewajipan yang terpikul atas semua umat Islam. Dari segi logik ia diperlukan bagi mengatur urusan hidup manusia. Kerana tanpa kepimpinan kehidupan masyarakat menjadi kacau bilau. Sementara dari segi Syarak pula ia perlu ditegakkan bagi memenuhi perintah Allah dan Rasul Nya. Dalam al-Quran Allah berfirman ”يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اطِّبِعُوا اللَّهَ وَاطِّبِعُوا الرَّسُولَ وَأَوْلَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ” yang bermaksud “Wahai orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul serta juga para pemerintah dari kalangan kamu”. Maka untuk mencurahkan taat setia mereka kepada pemerintah seluruh umat Islam menegakkan institusi berkenaan. Tidak kira apa nama yang dipakai, samada Khalifah, Raja, Sultan dan sebagai nya. Tanpa institusi berkenaan tugas ketiga, iaitu taat kepada pemerintah itu tidak dapat dilaksanakan.

سَيِّلِيكُمْ بَعْدِي وَلَأَنَّ فِيلِيكُمُ الْبَرُّ ”
”بِرْرٌ وَبِلِيكُمُ الْفَاجِرُ بِفَجُورِهِ فَاسْمَاعُوا لِهِمْ وَأَطِيعُوا فِي كُلِّ مَا وَافَقَ الْحَقُّ فَانْ أَحْسَنُوا فَلَكُمْ وَانْ أَسَأُوا فَلَكُمْ وَعَلَيْهِمْ“، yang bermaksud “Selepas aku, kamu akan diperintahkan oleh berbagai

para pemerintah. Yang baik akan memerintah dengan cara baik, sementara yang jahat akan memerintah dengan cara jahat. Maka hendaklah kamu taat dan patuh kepada mereka dalam setiap perkara yang benar. Kalau mereka bersikap baik, kamu dan mereka sama-sama mendapat kebaikan. Tetapi kalau mereka bersikap jahat kamu masih mendapat kebaikan sementara mereka pula akan mendapat keburukan”.

Orang yang dilantik menguruskan institusi “Khilafah” itu disebut sebagai khalifah. Kerana dia adalah pengganti Rasul di kalangan umat nya. Dengan kerana itu dia boleh disebut sebagai “Khalifah Rasulullah” Bagaimana pun ia biasa akan disebut sebagai “khalifah” sahaja. Namun untuk menyebut nya sebagai “Khalifah Allah” tidak semua para ulama bersetuju.

Sebagai Khalifah Rasulullah, Raja memikul tugas yang berat terhadap rakyat. Mengikut al-Mawardi, dalam buku beliau *أحكام السلطانية* ada sepuluh tugas untuk rakyat yang perlu dipikul oleh Khalifah, iaitu seperti berikut:

1. Menjaga agama berdasarkan prinsipnya yang mantap sepetimana yang telah diijma’kan oleh generasi awal Islam (Salaf). Untuk itu dia perlu menegakkan kebenaran samada dengan secara ilmiah atau dengan menggunakan kuasa apabila terdapat apa-apa penyelewengan atau kekeliruan yang ditimbulkan oleh mana-mana pihak. Tujuannya ialah supaya kesucian agama Islam tetap terkawal dan umat Islam dibendung dari terjerumus dalam apa-apa penyelewengan.
2. Melaksanakan hukum Islam dan menyelsaikan perbalahan di antara dua pihak yang berbalah sehingga wujud perdamaian yang adil dan saksama
3. Mengawal keselamatan dalam negara bagi menjamin kebebasan bergerak di kalangan rakyat dan ketiadaan ancaman terhadap diri atau harta mereka.
4. Melaksanakan undang-undang bagi mengawal apa saja peraturan Islam dari dicerobohi atau hak rakyat dari dikurangi
5. Mengawal keselamatan sempadan agar tidak ditembusi oleh musuh negara

1. agama Islam atau menerima kedudukan sebagai rakyat yang patuh kepada segala undang-undang dan peraturan Islam agar kerja-kerja menegakkan agama Islam tidak terganggu
2. Memungut segala zakat dan cukai yang diwajibkan oleh Syarak tanpa takut atau keterlaluan
3. Mengagihkan pemberian kepada rakyat daripada harta negara tanpa boros atau kedekut pada masa dan waktu yang tepat
4. Menyediakan khidmat nasihat dan latihan kepada rakyat berkait dengan tugas yang diberikan kepada mereka agar pembahagian kerja dilakukan berdasarkan kemampuan dan pengurusan harta benda dapat dilakukan dengan secara teratur
5. Mengambil initiative sendiri dalam melakukan penyeliaan terhadap tugas dan persekitaran kerja bagi pelaksanaan tugas berkenaan sehingga pentadbiran agama dan pengurusan ummah dapat dilaksanakan dengan baik, dan Jangan sekadar menyerahkannya kepad para pegawai walau pun dengan alasan untuk beribadat. Kerana mereka yang diberi tugas seperti itu mungkin cuai atau khianat.

Namun, sesudah kejatuhan Khalifah Uthmaniah, sistem “Khilafah” ini telah terganggu penerusannya. Apa yang ada sekarang ialah negara bangsa (Nation State) dalam berbagai bentuk, dari Monarki sampai socialist. Oleh kerana itu, theory al-Mawardi ini perlu dibaca dengan mengambil kira.

Dalam realiti di Malaysia sekarang, tentu nya tanggongjawab yang digariskan oleh al-Mawardi itu bukan satu rumusan yang sesuai. Oleh kerana itu, sebagai sebuah negara berperlembagaan tugas Raja-Raja perlu difahami berasaskan apa yang terdapat dalam kedua-dua perlembagaan Negeri dan Persekutuan. Dari segi Syariah, flaksibiliti tetap ada. Selain menerima konsep “Negara Bangsa” secara rasional sebagai ganti kepada konsep “Negara Khalifah” yang ideal tentu sekali Syariah juga boleh menerima kedudukan “Raja berperlembagaan” secara rasional sebagai ganti kepada konsep “Raja tanpa perlembagaan” yang ideal.

Amanah Yang Perlu Ditunaikan:

Mengikut Ibnu Taimiyah, dalam buku nya *السياسة الشرعية* kuasa yang diberikan kepada Raja itu adalah satu amanah. Ia perlu ditunaikan dengan sebaik nya. Pandangan beliau itu diasaskan kepada firman Allah ان الله يأمركم ان تزدوا الأمانات الى أهلها و اذا حكمتم بين الناس أن تحكموا بالعدل ان الله نعم يعظكم به ان الله كان سميعا بصيرا yang bermaksud “Allah memerintahkan kamu menunaikan amanah kepada yang berhak menerima nya. Dan apabila kamu menentukan hukuman antara manusia maka hendaklah kamu menghukum dengan adil.Sesungguh nya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baik nya kepada kamu.Sesungguh nya Allah adalah Maha mendengar dan Maha melihat”.

انها أمانة وانها يوم القيمة ” Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. pernah bersabda ” خزي وندامة الا من أخذها بحقها وأدى الذي عليه فيها yang bermaksud “Ia adalah suatu amanah, dan merupakan sebab kepada kehinaan dan penyesalan di hari akhirat, kecuali mereka yang memperolehi nya secara hak dan menunaikan segala tanggongjawab yang dipikul oleh nya”.

اذا ضيغت الأمانة ، انتظر ” Dalam suatu hadis yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda ” الساعه . قيل يا رسول الله وما اضاعتھا؟ قال: اذا وسد الأمر الى غير أهله فانتظر الساعة nya ” Apabila amanah tidak ditunaikan maka tunganlah saat dan ketika nya”. Lalu Baginga di tanya, pakah yang dimaksudkan dengan amanah yang tidak ditunaikan itu? Jawab Baginda ” Apabila kuasa diberikan kepada yang bukan ahli nya maka tunganlah saat dan ketika nya”

Mengikut Ibnu Taimiyah lagi, kedua-dua tugas menunaikan amanah kepada yang berhak dan membuat hukuman secara adil ini adalah merupakan inti kepada dasar pemerintahan yang adil dan baik.

Seterus nya Ibnu Taimiyah membahagikan tugas atau kewajipan ”Menunaikan amana itu kepada dua”, iaitu:

1. Amanah pemerintahan
2. Amanah kehartaan.

Mengenai amanah pemerintahan, al-Mawardi membangkitkan soal perlantikan para pegawai dan petugas lain nya berdasarkan merit dan tidak melakukan pilih kasih. Ini sesuai dengan kehendak sebuah hadis yang berbunyi من ولي من ” أمر المسلمين شيئا فلئى رجلا وهو يجد من هو أصلح للمسلمين منه فقد خان الله ورسوله“

bermaksud lebih kurang “Sesiapa yang menguasai apa saja aspek pengurusan yang berkait dengan umat Islam, lalu melantik seseorang yang dia tahu bukan yang terbaik dari kalangan yang ada bagi kepentingan umat Islam, maka sesungguhnya dia telah berkhianat kepada Allah dan Rasulnya”. Kata Umar Ibn al-Khattab من ولی من أمر المسلمين شيئاً فولی رجلاً لمودة أو قرابة بينهما فقد خان الله ”، maksudnya “Sesiapa yang berkuasa keatas mana-mana bidang pengurusan umat Islam lalu melantik seseorang secara pilih kasih atau atas dasar keluarga, maka dia sesungguhnya telah mengkhianati Allah dan Rasul Nya serta juga umat Islam”.

Oleh kerana itu, kata al-Mawardi lagi, pemerintah perlu membuat pemilihan yang jelas tentang siapa yang benar-benar berhak dan layak diberi jawatan dalam negara berkenaan. Agar usaha pembangunan negara berjalan lancar dan tidak terganggu oleh kelemahan birokrasi.

Berasaskan keperluan berkenaan, Raja tidak ada pilihan lain kecuali melantik yang paling layak bagi jawatan berkenaan. Kalau tidak ada yang benar-benar layak Baginda perlu melantik yang paling layak dari kalangan yang ada mengikut kesesuaian berasaskan kepada Ijtihad atau penelitian yang sempurna. Dengan cara itu Baginda dikira telah melaksanakan tanggungjawab Baginda dengan penuh dan sempurna, dan wajar dianggap sebagai pemerintah yang bersikap adil dan saksama.

Mengikut al-Mawardi lagi, ada dua kerteria yang perlu menjadi asas pemilihan para pegawai dan petugas yang layak. Kedua-duanya ialah keupayaan dan amanah.

Keupayaan bermaksud kebolehan untuk melaksanakan tanggungjawab berkenaan. Nilai nya tentu sekali berbeza di antara satu tanggungjawab dengan yang lain. Sebagai contoh, kekuatan yang diperlukan bagi seorang penglima tentera berbeza dengan kekuatan yang diperlukan bagi seorang hakim. Begitulah seterusnya.

Sementara amanah pula bermaksud bertaqwa kepada Allah dan tidak akan tunduk kepada apa saja nilai dan kepentingan selain daripada suruhan dan larangan Nya.

Namun secara umum nya bukan mudah untuk mencari orang yang mempunyai keduadua sifat di atas secara sekali gus. Kata al-Mawardi, kerana itu Khalifah Umar pernah berdoa mengadu krpada Tuhan dengan kata nya ”الله اني أشكوا اليك“، جلد الفاجر وعجز الثقة yang bermaksud “Ya Allah saya mengadu kepada Mu tentang ketabahan si penyangak dan kelemahan sang jujur”.

Bagi mengatasi masalah ini al-Mawardi mencadangkan pemilihan dibuat atas dasar keperluan sebenar.Kalau yang diperlukan ialah untuk memimpin bala tentera penyangak yang lebih gagah berani perlu diutamakan daripada lebai yang lebih amanah tetapi lemah dan tidak bermaya.Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal, apabila ditanya tentang siapa yang perlu diutamakan untuk memimpin tentera Islam dalam peperangan, samada penyangak yang gagah berani atau seorang lebai yang tidak bermaya ?Jawab beliau “Kekuatan penyangak berkenaan menjadi asset kepada umat Islam, sementara kejahatannya menjadi beban keatas diri nya sendiri. Sementara lebai yang lemah pula, kebaikannya untuk diri nya sendiri dan kelemahannya menjadi beban keatas umat Islam”. Seterus nya beliau berkata “ Pilihlah pemimpin perang yang gagah berani itu kerana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda(maksud ya), “ Ada kemungkinan Allah membantu agama ini melalui penyangak”.

Sebagai contoh kepada kebijaksanaan ini ialah pemilihan Rasulullah s.a.w. sendiri terhadap Khalid ibn al-Walid sebagai penglima dalam hampir kesemua peperangan dengan orang kafir sejak mula dia masuk Islam lagi. Sabda Baginda, maksud nya “Khalid adalah pedang yang dihunus oleh Allah terhadap orang musyrikin”. Sedangkan Baginda tahu penglima medan yang gagah berani itu kadang-kadang menyalahi arahan Baginda sendiri. Sampai pada suatu ketika Rasulullah s.a.w. berdoa kepada Tuhan dengan sabdanya yang bermaksud "Ya Allah, saya tidak terlibat dengan apa yang dilakukan oleh Khalid".

Sebalik nya pula Baginda Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada Abu Dzar yang sangat terkenal dengan kejujuran dan amanah nya itu bahawa Baginda tidak akan memberikan tugas kepimpinan kepada nya kerana dia seorang yang lemah. Sedangkan Baginda cukup maklum bahawa Abu Dzar adalah seorang yang sangat jujur dan transparent .

Kalau yang lebih diperlukan itu ialah amanah, misalnya bagi menjaga harta maka yang akan diutamakan ialah orang yang beramanah. Kalau keperluan seperti itu tidak mampu dipenuhi oleh seseorang tertentu maka perlantikan perlu dibat terhadap lebih daripada satu.

Al-Mawardi seterusnya menyebut tentang menjadikan kepimpinan solat sebagai lambang kepada keutamaan dalam kepimpinan yang lain. Biasanya, di zaman awal Islam apabila seseorang itu diberi peranan sebagai imam solat Jumat dan solat Jemaah bererti dia telah diberitauliah kepimpinan dalam urusan yang lain. Sebagai contoh, apabila Rasulullah s.a.w melantik Abu Bakr mewakili Baginda menjadi Imam sembahyang, orang ramai pun faham bahawa Sahabat karib Baginda itu telah diberi kedudukan sebagai panglima perang.

Apabila Baginda Rasulullah menghantar seseorang penglima dalam mana-mana peperangan, penglima itulah yang akan ditugaskan menjadi imam solat bersama para sahabat Baginda. Begitu juga apabila Baginda menghantar seseorang menjadi governor bagi mana-mana bandar, governor itulah juga yang dilantik menjadi imam solat bagi masyarakat di bandar itu. Hal seperti itu berlaku ke atas ramai para sahabah, termasuk 'Uttab Ibn Asid yang dilantik sebagai governor Mekah, Uthman Ibn Abi al-'Ass, sebagai governor Ta'if, Ali, Mu'adz dan Abu Musa sebagai governor Yaman. Begitu juga 'Amru Ibn Hazm yang dilantik sebagai governor Najran. Tradisi seperti ini kemudiannya berterusan di sepanjang pemerintahan Khulafa` al-Rasyidin, Raja-Raja dinasti Amawi dan sesetengah Raja dinasti Abbasi.

Ini kerana urusan agama paling asas dalam Islam ialah solat dan Jihad. Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. apabila menghantar Mu'adz sebagai governor ke Yaman Baginda bersabda "يَا مَعَاذَ أَنْ أَهْمَّ امْرَكُ عِنْدِي الصَّلَاةِ", yang bermaksud "Hai Mu'adz, bagi saya urusan kamu yang paling penting (di sana) ialah solat". Begitu juga Saiyidina Umar Ibn al-Khattab pernah menulis surat kepada para governor nya yang mengandungi kata-kata yang bermaksud "Bagi saya, tugas kamu yang paling utama sekali (di sana) ialah solat. Kerana sesiapa yang menjaga nya dengan baik dia akan menjaga agama nya dengan baik. Sebaliknya sesiapa yang cuai terhadap nya dia akan lebih cuai dalam hal hal yang lain".

Semua tindakan diatas adalah realisasi kepada dasar bahawa solat itu adalah asas kepada agama. Sabda Rasulullah s.a.w. “الصلوة عِمَادُ الدِّينِ” yang bermaksud “Sembahyang itu adalah tonggak agama”. Dalam sebuah ayat Allah berfirman “استعينوا بالصبر والصلوة وانها لكبيرة الا على الخاسعين” yang bermaksud “Jadikanlah sabar dan solat sebagai penolong mu. Dan sesungguhnya yang demikian itu sungguh berat kecuali bagi orang yang khusyu’”. Dalam satu ayat yang lain pula Allah berfirman “يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعِنُوا بِالصَّابِرِينَ” Dadiklah sabar dan solat sebagai penolong mu..Sesungguhnya Allah itu bersama orang yang sabar”.

Sesudah menghuraikan semua nya itu al-Mawardi membuat kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan “Amanah Pemerintahan” itu ialah memperbaiki agama masyarakat dengan keyakinan bahawa tanpa usaha seperti itu umat akan mengalami kerugian yang besar, dan bahawa tanpa pencapaian di bidang itu apa saja kejayaan dunia yang mereka mungkin capai tidak akan memberi apa-apa erti.

Selain itu, kata beliau ialah memperbaiki prasarana yang diperlukan dalam usaha pembaikan berkenaan. Meskipun prasarana ini lebih bersifat keduniaan tetapi pencapaian objektif keagamaan tidak boleh berlaku dengan sempurna tanpa adanya kemudahan seperti itu. Prasarana yang dimaksudkan itu ialah pembahagian harta kepada setiap yang berhak dan melaksanakan hukuman atas mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan.

Kewajipan Rakyat:

Segala kerja yang berkait dengan tugas diatas disebut oleh al-Mawardi sebagai siasah atau dasar pentadbiran. Apabila ia disempurnakan oleh Khalifah/Raja/Kerajaan berkenaan maka bererti dia telah memenuhi kewajipan dan tanggungjawab nya. Dengan itu dia berhak untuk mendapat taat setia dan sokongan serta dokongan rakyat selagi dia tidak berubah perangai.

Dalam buku nya نصيحة الملوك yang bermaksud “Nasihat Raja Raja” al-Mawardi berkata, “Kuasa dan kekuatan berada pada tangan Raja-Raja. Kerana mereka telah dipilih oleh Allah untuk rakyat, dan telah diberikan kedudukan yang tinggi serta dibekalkan dengan pengaruh yang besar di kalangan umat manusia”.

Dalam buku tersebut juga al-Mawardi menyebut “Allah menggambarkan hubungan antara Raja dengan rakyat sama seperti hubungan antara kepala dengan badan. Sebagaimana badan tidak akan kekal hidup tanpa kepala maka begitulah rakyat tidak akan kekal tanpa Raja. Kerana Raja adalah bayang Allah dan khalifah Nya di bumi. Sebab itu Raja disebut sebagai “Malik” (ملک) iaitu nama yang diambil dari nama Allah sendiri. Sementara rakyat pula disebut sebagai “Rakyat” (الرعية) iaitu nama yang diambil daripada “ternakan”. Selain itu Raja juga disebut sebagai “Sasah” (الساسة) yang memberi maksud orang yang menjaga kebajikan ternakan yang tidak mampu mengurus diri nya sendiri. Sementara perbuatan seperti itu di sebut “Siasah” (السياسة) yang sekarang ini diertikan sebagai “Politik”.

Satu bandingan lain yang dibuat oleh al-Mawardi mengenai perkaitan Raja dengan rakyat ialah sama seperti hubungan antara wali dengan anak yatim. Kata beliau “Fungsi Raja ialah menjaga kepentingan rakyat. Kerana rakyat adalah amanah yang dipertaruhkan oleh Allah kepada nya untuk dijaga dan diurus dengan baik serta dipertahankan kepentingan mereka dengan menggunakan kuasa yang ada pada Baginda. Kerana rakyat tidak akan mendapat keadilan kecuali di bawah payung Baginda. Mereka boleh dibandingkan dengan anak yatim yang perlu dijaga, dilindungi dan diurus kepentingan nya

Yang menghubungkan antara dua pihak ini, iaitu Raja dan rakyat ialah kepentingan bersama, dimana rakyat memerlukan keamanan, keselamatan dan peraturan, yang perlu dijamin oleh Raja. Sementara Raja pula memerlukan sokongan, ketaatan dan penghormatan yang perlu diberikan oleh rakyat. Kata al-Mawardi dalam buku yang sama “Inilah janji yang Allah mahukan daripada seluruh umat manusia, iaitu sokongan, penghormatan dan ketaatan rakyat terhadap Raja yang berbudi mulia dan adil, dari satu pihak, dan keadilan yang perlu dijamin oleh Raja terhadap rakyat dari satu pihak yang lain.

Berasaskan kepada pandangan di atas, al-Mawardi menggariskan asas kepada pemerintahan Raja bagi kepentingan rakyat. Dalam buku beliau تسهيل النظر , al-Mawardi menggariskan asas tersebut sebagai berikut:

- a. Rakyat perlu menyerahkan urusan pemerintahan kepada Raja dan taat kepada perintah baginda tanpa mempersoalkan kebijaksanannya
- b. Raja akan bertanggongjawab terus kepada Allah yang merupakan pihak yang tunggal akan menilai kerja kerja Bagind
- c. Polisi pemerentahan Raja boleh disimpulkan kepada dua perkara:
Pertama: Menguruskan hal ehwal rakyat dengan penuh bijaksana
Kedua: Memberi mandat kepada mereka yang benar-benar mampu melaksanakan titah Baginda agar ia terlaksana dengan baik

انَّ اللَّهَ يُرْضِي لَكُمْ ثَلَاثَةً: أَنْ “تَعْبُدُوهُ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَأَنْ تَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفْرَقُوا وَإِنْ تَنَاصُحُوا مِنْ وَلَاهُ أَمْرُكُمْ” yang lebih kurang bermaksud “Ada tiga perkara yang direhui oleh Allah bagi kamu : Menyembah Nya dan tidak menyenkuuti nya dengan apa saja. Berpakaat antara kamu semua untuk berpegang kepada tali (agama) Allah. Nasihat menasihati antara kamu dan pemerintah yang telah dilantik oleh Allah bagi mentadbir urusan kamu”.

Dalam satu hadis lain Rasulullah bersabda ”**ثَلَاثَ لَا يَغْلِبُ عَلَيْهِنَّ قَلْبُ مُسْلِمٍ: أَخْلَاصُ الْعَمَلِ**“، yang bermaksud lebih kurang Ada tiga perkara yang hati seseorang muslim tidak merasa iri hati terhadap nya: Beramal dengan ikhlas kepada Allah, memberi nasihat kepada pemerintah, dan sentiasa bersama kumpulan (Jamaah) orang Islam”. Dalam satu hadis lain lagi Rasulullah s.a.w. bersabda ”**الدِّينُ النَّصِيحَةُ، الدِّينُ النَّصِيحَةُ قَالُوا لِمَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ اللَّهُ وَلِكُتُبِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامِلَتِهِمْ**“ yang lebih kurang bermaksud ” Agama itu nasihat. Agama itu nasihat. Agama itu nasihat. Lalu Rasulullah ditanya ” Untuk siapa wahai Rasulullah ? Jawab Baginda, untuk Allah, untuk kitab Nya, untuk Rasul Nya dan untuk para pemerintah dan orang Islam “.

Selepas menyebut hadis-hadis di atas, kata Ibnu Taimiyah ” Oleh kerana itu, menegakkan pemerintahan adalah suatu kewajipan dan suatu cara memperdekatkan diri kepada Allah. Cuma masalah nya, kemurnian ini telah tercemar oleh gelagat ramai orang yang berebut untuk jadi pemerintah atau

mendapatkan keuntungan kebendaan melalui nya. Kata beliau lagi, Ka'ab Ibn Malik meriwayatkan daripada Rasulullah hadis berikut ﴿أَذْبَانٌ جَاءُنَّا أَرْسَلًا فِي غَنِمٍ بِأَفْسَدٍ لَهَا مِنْ حِرْصٍ الْمَرءُ عَلَى الْمَالِ أَوْ الشَّرْفِ لِدِينِهِ﴾, yang lebih kurang bermaksud “Bahaya dua ekor serigala lapar yang dilepaskan ke dalam kumpulan kambing tidaklah begitu berbahaya kalau dibandingkan dengan bahaya seseorang yang berebut harta atau kepimpinan secara gelojoh terhadap agama nya”

Selanjut nya, kata Ibnu Taimiyah: Dalam al-Quran Allah menceritakan tentang kelohan mereka seperti itu apabila di akhirat nanti menerima rekod hidup nya dari sebelah kiri ﴿مَا أَغْنَى عَنِي مَالِيَّةٌ هُكْمٌ عَنِي سُلْطَانِيَّةٌ﴾, yang lebih kurang bermaksud “Harta ku sekali-kali tidak memberi manfaat kepada ku. Telah hilang kekuasaan ku daripada ku”

اولم يسروا في الأرض فینظروا كیفکان“
Dalam sebuah ayat yang lain Allah berfirman عاقبة الذين من قبلهم كانوا أشدّ منهم قوة وآثراً في الأرض فأخذهم الله بذنبهم وما كان لهم من الله من واق“ yang kira-kira maksud nya “ Dan apakah mereka tidak mengadakan perjalanan di muka bumi lalu memperhatikan betapa kesudahan orang yang sebelum mereka. Mereka itu adalah lebih hebat kekuatan nya daripada mereka dan (lebih banyak) bekas bekas mereka di muka bumi. Maka Allah mengazabkan mereka disebabkan dosa-dosa mereka. Dan sekali-kali mereka tidak mempunyai seorang pelindung dari azab Allah”. Berasaskan ayat-ayat dan hadis-hadis di atas Ibnu Taimiyah membahagikan manusia kepada empat kategori:

Pertama: Mereka yang mencari ketuanan dan kerusakan di bumi, iaitu mereka yang menderhaka kepada Allah. Bandingan mereka samalah seperti Fiaun dan mereka yang sama seperti nya.

Kedua: Mereka yang mencari keburukan tanpa ketuanan, sama seperti para penjenayah .

Ketiga: Mereka yang mencari ketuanan tetapi bukan kerosakan. Misal nya orang yang beragama tetapi mahu berkuasa

Keempat:Merekayang tidak mencari ketuanan mahu pun keburukan.

Terhadap kategori keempat ini Allah berfirman “**وَلَا تَهْنِوا وَلَا تُحْزِنُوا وَإِنَّمَا الْأَعْلُونَ أَنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ**” yang bermaksud lebih kurang “Janganlah kamu merasa hina dan jangan kamu berkecil hati. Padahal kamulah orang yang paling tinggi (darjat nya) jika kamu orang yang beriman” Dalam satu ayat lain pula Allah berfirman “**فَلَا تَهْنِوا وَتَدْعُوا إِلَى السَّلَامِ وَإِنَّمَا الْأَعْلُونَ وَاللَّهُ مَعْلُومٌ وَلَمْ يَرَكُمْ أَعْمَالَكُمْ**” yang lebih kurang bererti “ Jangan lah kamu merasa hina dan meminta damai padahal kamulah yang di atas dan Allah (pun) beserta kamu dan Dia sekali-kali tidak akan mengurangi (pahala) amalan kamu.

Bagaimana pun, kata al-Mawardi seterus nya ,kalau sekira nya pencarian kuasa dan harta itu bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah maka itu adalah satu kebaikan bagi urusan keagamaan dan keduniaan. Sebalik nya kalau kuasa dipisahkan daripada agama atau agama dipisahkan dari kuasa maka rusaklah masyarakat. Apa pun juga, kata beliau seterus nya yang membezakan antara mereka yang taat dan mereka yang menderhaka kepada Allah ialah niat di dalam hati dan baik buruk perbuatan lahir masing-masing. Kerana Nabi bersabda “**إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَيْ صُورَكُمْ وَلَا إِلَيْ أَمْوَالِكُمْ وَإِنَّمَا يَنْظُرُ إِلَيْ قُلُوبَكُمْ وَإِلَيْ أَعْمَالِكُمْ**”, yang lebih kurang maksud nya “Sesungguh nya Allah tidak melihat kepada rupa paras atau harta kamu, tetapi Allah melihat kepada hati dan apa yang kamu lakukan”

Tetapi oleh kerana kebanyakan para pemerintah lebih berminat kepada harta dan kedudukan, mereka menjadi jauh dari keimanan yang sebenar dan kesempurnaan beragama. Di samping itu pula terdapat mereka yang sangat ikhlas kepada agama tetapi tidak berusaha mencari kuasa dan harta bagi mencapai matlamat keagamaan mereka. Kedua dua sikap ini, mengikut al-Mawardi adalah salah.

Oleh kerana itu, kata beliau adalah menjadi kewajipan bagi setiap muslim untuk berusaha mengikut kemampuan masing-masing. Kerana penyerahan kuasa kepada orang yang baik-baik itu lebih baik daripada membiarkan nya sampai terserah kepada orang yang jahat

Penutup:

Ternyata, antara Raja dan rakyat ada Syariah yang merupakan garis panduan bagi menyusun perhubungan antara kedua belah pihak. Berasaskan Syariah kuasa Raja adalah amanah yang perlu ditunaikan dengan sebaik

nya.Tanpa penunaian amanah berkenaan Raja dilihat sebagai berkhianat kepada Syariah dan akan dimurkai oleh Allah.

Maka berasaskan amanah yang ditunaikan itu Raja berhak dipatuhi oleh rakyat secara sepenuhnya, seolah-olah Baginda itu adalah bayang Tuhan di bumi. Berasaskan sistem ini rakyat tidak berkewajipan, malah tidak berhak untuk mempersoalkan kebijaksanaan tindakan yang diambil oleh Raja. Hanya Allah sahaja yang akan mempersoalkan Baginda. Sebagai hasilnya ialah samada rekod pencapaian kerjanya akan diserahkan oleh Allah di akhirat nanti dari sebelah kanan atau sebelah kiri.

Tidak seperti sistem sekular, kepimpinan Raja dalam Islam tidak terhad kepada soal politik dan pentadbiran semata-mata, tetapi lebih asas daripada itu ialah kepimpinan agama. Bertepatan sekali ketentuan ini dan ketetapan perlembagaan negara kita bahawa Raja adalah pemimpin agama di negeri masing-masing. Sebagai pemimpin agama, Syariah menentukan bahawa fungsi berkenaan tidak sekadar dimainkan oleh Baginda sahaja tetapi juga semua pihak berkuasa di bawah Baginda, samada orang politik atau pegawai kerajaan. Sebagaimana maklum, ruang lingkup Islam sebagai satu agama sangat luas selaki dan ini perlu dicakup sepenuhnya .


Salah satu perkara menarik yang dibangkitkan oleh para ulama kelasik berhubung dengan kepimpinan ini ialah mengenai kepimpinan solat sebagai inti kepada kepimpinan politik dan pentadbiran. Dengan kata lain, mereka perlu berfungsi sebagai imam solat bagi komuniti mereka sendiri. Tentu sekali ini tidak bertentangan dengan perlantikan imam sebagai pegawai rasmi kerajaan yang memikul tugas berkenaan. Sebaliknya orang-orang seperti Menteri Besar, ahli exco, Setiausaha Kerajaan, Pegawai Dairah, Hakim, Ketua polis dan tentera di setiap peringkat dan sebagai nya perlu tahu dan konfiden untuk menjadi Imam dalam komuniti mereka sendiri, malah dalam komuniti yang lebih besar.

Dengan demikian kerajaan yang memerintah di bawah kuasa Tuanku Sultan bukan saja cekap tetapi juga mendapat berkat. Bukan sahaja berjaya di dunia tetapi juga berjaya di akhirat.

BIODATA

Y.BHG. PROF. EMERITUS DATO' DR. MAHMOOD ZUHDI HAJI ABD. MAJID

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1945. Persekolahan beliau bermula pada tahun 1950 di bawah bimbingan ayah beliau sendiri di Madrasah Majidiyah, Kg. Kayu Rendang, Melor, Kota Bharu, Kelantan. Di peringkat menengah beliau belajar di Maahad Muhammadi Kota Bharu, Kelantan. Pengajian Tingginya juga bermula di negeritu, iaitu di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan yang kemudiannya diserapkan sebagai Akademi Islam Universiti Malaya. Kesarjanaannya diperolehi daripada Universiti al-Azhar dalam bidang Syariah, dan dari University of Kent, England dalam bidang Pengajian Asia Tenggara. Sementara PhD beliau diperolehi dari Universiti Malaya dalam bidang Syariah.



Di bidang akademik, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Dekan Fakulti Syariah Universiti Malaya selama lebih kurang lima tahun dan selepas itu menjawat jawatan Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Beliau menjadi Profesor di bidang Syariah di Universiti Malaya sejak tahun 1995 dan berpindah jawatan sebagai Profesor di Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2008. Beliau terus memegang jawatan tersebut sehingga bulan Julai 2016. Dalam tempoh tersebut beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Dekan, Dekan di International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) dan Dekan Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan (IRKHS). Pada tahun 2011 beliau telah dianugerah oleh Universiti Malaya kedudukan sebagai Professor Emeritus.

Di bidang kewangan Islam, beliau sekarang seorang ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif Public Islamic Bank Berhad (PIBB) merangkap penggerusi Jawatankuasa Syariah PIBB. Beliau juga merupakan Penggerusi Jawatankuasa Syariah AIA Public Takaful serta Penggerusi Jawatankuasa Syariah bagi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Securities. Selain itu, beliau merupakan ahli jawatankuasa Syariah Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Mutual Berhad (AMB), dan as-Salihin Trustee Berhad. Sebelum ini beliau pernah menjadi ahli kepada The Council of Scholars for International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Bank Negara Malaysia selama enam tahun.

Dalam bidang-bidang yang lain beliau adalah Penggerusi Majlis Dakwah Negara, Timbalan Penggerusi Lembaga Pendidikan Islam Malaysia (LEPAI), Ahli Lembaga Universiti Islam Malaysia (UIM), Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM), Ahli Lembaga Penasihat Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Ahli Majlis Perunding Islam Malaysia (MPI), dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi Pensijilan MS 1900:2005 SIRIM.

Antara khidmat beliau yang pernah diberikan sebelum ini ialah sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan (1990-2012), Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan (1990-2012), Ahli Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2006-2012), Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) (2004-2013), Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (2010-2016) dan Penggerusi Majlis Dekan Pengajian Islam Malaysia (2012-2014). Sehingga kehari ini, beliau telah menghasilkan sebanyak sebanyak 34 buah buku dan menyumbang 26 artikel.